JUZU' KE-30

SURAH AT-TIN

SURAH KE

95

سُورَةُ التِّينِ

SURAH AT-TIN

Surah Buah Tin

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

8

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

وَالتِّينِ وَالزَّيْتُونِ ﴿١﴾ وَطُورِ سِينِينَ ﴿٢﴾

وَهَٰذَا الْبَلَدِ الْأَمِينِ ﴿٣﴾

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿٤﴾

ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ ﴿٥﴾

إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَلَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مَمْنُونٍ ﴿٦﴾

فَمَا يُكَذِّبُكَ بَعْدُ بِالدِّينِ ﴿٧﴾

أَلَيْسَ اللَّهُ بِأَحْكَمِ الْحَاكِمِينَ ﴿٨﴾

"Demi buah tin dan buah zaitun(1). Dan demi Bukit Tursina(2). Dan demi negeri (Makkah) yang aman ini(3). Sesungguhnya Kami telah ciptakan manusia dengan sebaik-baik rupa bentuk(4).Kemudian Kami kembalikannya ke tingkat yang sebawah-bawahnya(5). Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih, maka untuk mereka disediakan pahala yang tiada berkeputusan(6). Oleh itu, apakah yang menyebabkan engkau mendustakan agama(7). Bukankah Allah itu Hakim yang paling adil?"(8).

Hakikat pokok yang dikemukakan oleh surah ini ialah hakikat fitrah yang lurus yang menjadi asas tabi'at manusia yang diciptakan Allah dan kesesuaian tabi'atnya dengan tabi'at iman. Dengan fitrah yang lurus, manusia boleh mencapai darjat yang sempurna yang ditentukan keadaanya, dan manusia akan jatuh ke darjat yang sebawah-bawahnya apabila ia menyeleweng dari fitrah yang lurus dan iman yang jujur itu.

Allah kemukakan hakikat ini dengan bersumpah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

"Demi buah tin dan buah zaitun(1). Dan demi Bukit Tursina(2). Dan demi negeri (Makkah) yang aman ini."(3)

Sumpah-sumpah seperti ini yang banyak kita jumpai di dalam surah-surah juzu' 'Amma ini merupakan sebuah frem untuk dibentangkan hakikat fitrah manusia ini, dan biasanya frem-frem itu amat selaras pula dengan hakikat yang dibentangkan itu.

Bukit Tursina, Negeri Makkah, Buah-buah Tin Dan Zaitun Mengingatkan Tempat-tempat Dan Peristiwa Kemenangan Di Dalam Perjuangan Agama Allah

Maksud dari **"Bukit Tursina"** ialah Bukit Tur tempat Nabi Musa a.s. diseru oleh Allah 'Azzawajalla. Maksud **"negeri yang aman"** ialah Makkah Baitullahil-Haram. Hubungan kedua-dua tempat ini dengan urusan agama dan iman adalah jelas sekali. Tetapi bayangan hubungan ini tidak jelas di dalam buah **"tin dan zaitun"** sejauh yang ternampak kepada kami. Di sana terdapat berbagai-bagai pendapat yang ma'thur tentang maksud dari tin dan zaitun itu. Ada pendapat yang mengatakan bahawa buah tin itu ialah isyarat kepada Turtina yang terletak berdekatan dengan Damsyik. Ada yang mengatakan ia adalah isyarat kepada pokok-pokok tin, di mana Adam dan isterinya Hawa mengambil daun-daunnya untuk menutup aurat mereka di dalam Syurga ketika mereka tinggal di sana sebelum turun ke dalam kehidupan dunia. Dan ada pula yang mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan tin itu ialah tempat tumbuhnya pokok tin di bukit yang menjadi tempat berlabuhnya bahtera Nuh a.s.

Tentang **"az-Zaitun"** pula, ada pendapat yang mengatakan bahawa Zaitun itu adalah isyarat kepada Turzita di Baitul-Maqdis. Ada pula yang mengatakan ia adalah isyarat kepada Baitul-Maqdis itu sendiri. Ada yang mengatakan ianya isyarat kepada dahan Zaitun yang dibawa balik oleh burung merpati yang dilepas oleh Nabi Nuh a.s. dari atas bahtera untuk meninjau keadaan banjir dan apabila burung merpati itu pulang membawa dahan Zaitun, maka fahamlah beliau bahawa bumi telah timbul dan menumbuhkan tumbuh-tumbuhan.

Selanjutnya ada pendapat yang mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan tin dan Zaitun itu

ialah dua jenis buah-buahan yang dimakan yang dikenali umum, dan kedua-duanya bukanlah melambangkan sesuatu yang lain, atau kedua-duanya merupakan lambang dari bumi tempat tumbuhnya.

Di tempat yang lain dari Al-Qur'an, Zaitun disebut di samping Bukit Tur. Firman Allah:

وَشَجَرَةً تَخْرُجُ مِن طُورِ سَيْنَاءَ تَنبُتُ بِالدُّهْنِ وَصِبْغٍ لِّلْآكِلِينَ ﴿٢٠﴾

"Dan pokok (Zaitun) yang keluar dari Tursina yang mengeluarkan minyak dan lauk bagi orang-orang yang makan."

(Surah al-Mu'minun: 20)

Di suatu tempat yang lain disebut زيتونا ونخلا (pokok Zaitun dan kurma). Sementara "tin" hanya disebut sekali sahaja di dalam Al-Qur'an seluruhnya.

Kerana inilah kami tidak dapat pastikan maksudnya yang sebenar. Apa yang dapat kami katakan ialah bahawa maksud yang lebih dekat dari sebutan buah tin dan buah Zaitun di sini ialah isyarat kepada tempat-tempat dan peristiwa-peristiwa kenangan yang ada hubungan dengan agama dan iman, atau ada hubungan dengan asal mula kejadian manusia yang diciptakan dengan sebaik-baik bentuk rupa (mungkin sewaktu ia berada di dalam Syurga tempat pertama ia memulakan hidupnya) supaya isyarat itu sesuai dengan hakikat pokok yang dikemukakan di dalam surah ini atau supaya frem itu selaras dengan hakikat yang dibicarakannya mengikut kaedah Al-Qur'an.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 6)

Yang menjadi inti hakikat dalam surah ini ialah:

Kedudukan Istimewa Manusia Di Sisi Allah

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿٤﴾ ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ ﴿٥﴾ إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَلَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مَمْنُونٍ ﴿٦﴾

"Sesungguhnya Kami telah ciptakan manusia dengan sebaik-baik rupa bentuk(4). Kemudian Kami kembalikannya ke tingkat yang sebawah-bawahnya(5). Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih, maka untuk mereka disediakan pahala yang tiada berkeputusan."(6)

Dari ayat ini jelas ternyata betapa besarnya perhatian Allah terhadap manusia. Sejak awal lagi ia diciptakan dalam bentuk yang sebaik-baiknya. Memang tiap-tiap kejadian itu diciptakan Allah dengan sebaik-baiknya, tetapi menyebut secara khusus bahawa manusia itu dijadikan dengan sebaik-baik susunan dan bentuk rupa dalam surah ini dan di tempat-tempat yang lain dari Al-Qur'an, menunjukkan bahawa Allah memberi perhatian dan 'inayah yang lebih besar terhadap makhluk manusia.

Perhatian dan 'inayah Allah yang besar terhadap makhluk insan ini, walaupun ia mempunyai titik-titik kelemahan dan sering dilanda kerosakan dan penyelewengan dari fitrah yang suci, menunjukkan ia mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Allah dan mempunyai nilai istimewa dalam susunan kejadian alam ini. Perhatian dan 'inayah Allah yang besar itu dapat dilihat dengan jelas dalam susunan kejadiannya yang amat rapi, sama ada dalam susunan anggota jasmani yang amat seni dan canggih atau dalam susunan kejadiannya yang unik atau dalam susunan kejadian rohaniyahnya yang menakjubkan.

Kejatuhan Ciri Rohaniyah Menandakan Kejatuhan Ciri Insaniyah Manusia

Dalam ayat ini penekanan telah ditumpukan kepada ciri-ciri rohaniyahnya yang boleh jatuh terjunam ke darjat yang sebawah-bawahnya apabila manusia itu menyeleweng dari fitrahnya yang suci atau menyimpang dari iman yang lurus, kerana memang jelas bahawa ciri-ciri jasmaniyahnya tidak berubah dan jatuh kepada darjat yang sebawah-bawahnya.

Di dalam ciri-ciri rohaniyah inilah nampak jelas kelebihan kejadian insan, kerana ia dikurniakan kesediaan untuk meningkat ke darjat yang amat tinggi yang melebihi ketinggian darjat para malaikat al-Muqarrabin sebagaimana dibuktikan oleh kisah Mi'raj di mana malaikat Jibril a.s. terpaksa berhenti pada maqam tinggi yang tertentu, sedangkan Nabi Muhammad ibn Abdullah s.a.w. terus meningkat naik ke maqam yang lebih tinggi. Di samping itu juga manusia mempunyai kesediaan menggelonsor jatuh ke darjat yang sebawah-bawahnya yang tidak pernah dialami oleh mana-mana makhluk lain, iaitu merosot ke darjat yang membuat haiwan-haiwan itu lebih tinggi dan lebih baik darinya kerana haiwan-haiwan itu hidup dengan fitrahnya yang betul, iaitu mereka bertasbih kepada Allah dan melaksanakan fungsinya yang betul, mereka bertasbih kepada Allah dan melaksanakan fungsinya di alam ini dengan hidayat yang benar, sedangkan manusia yang merupakan sebaik-baik makhluk itu sanggup mengingkari Tuhan Penciptanya dan menggelonsor turun bersama hawa nafsunya ke darjat yang lebih bawah dari haiwan.

"Sesungguhnya Kami telah ciptakan manusia dengan sebaik-baik rupa bentuk."(4)

Iaitu sebaik-baik kejadian dari segi fitrah dan kesediaan semulajadi.

"Kemudian Kami kembalikannya ke tingkat yang sebawah-bawahnya." (5)

Apabila ia menyeleweng dengan fitrahnya dari garis lurus yang ditunjukkan Allah, dan setelah diberi penjelasan dan kebebasan agar ia memilih salah satu dari dua jalan.

إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ

"Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih."(6)

Merekalah golongan manusia yang kekal di atas fitrahnya yang lurus, kemudian mereka lengkapkan pula fitrah mereka dengan iman dan amal salih, dan terus meningkat ke darjat yang sempurna yang diperuntukkan kepada mereka sehingga berakhir dengan kehidupan yang sempurna di negeri Akhirat, negeri yang sempurna!

"Maka untuk mereka disediakan pahala yang tiada berkeputusan."(6)

Di Persimpangan Jalan Di Antara Meningkat Setinggi-tinggi Dengan Keimanan Atau Jatuh Serendah-rendah Dengan Kesesatan

Golongan insan yang menurun jatuh bersama fitrah mereka ke darjat yang paling bawah itu terus menjunam ke bawah hingga ia sampai dan menetap di lapisan Neraka yang terkebawah sekali, di mana nilai insaniyahnya tidak berharga lagi.

Naik dan turun itu merupakan dua perhentian atau kesudahan bagi satu titik tolak, iaitu sama ada tegak di atas fitrah yang lurus serta menyempurna dan meningkatkannya dengan iman dan amalan yang salih, maka jalan ini akan membawa manusia kepada darjatnya yang sempurna dalam kehidupan yang penuh ni'mat, atau menyeleweng dari fitrah yang lurus dan meluncur ke bawah dan putus hubungan dengan hidayat Allah, maka jalan ini akan membawa manusia ke dasar Neraka dalam kehidupan yang penuh 'azab.

Dari sini jelas ternyata nilai keimanan dalam kehidupan manusia. Keimanan itulah jalan naik yang menyampaikan, fitrah manusia kepada matlamatnya yang sempurna. Keimanan itulah tali hubungan di antara fitrah manusia dengan Tuhan Penciptanya. Keimanan itulah nur yang menerangi jalan naik menuju kehidupan orang-orang yang kekal yang dimuliakan di sisi Allah.

Apabila tali ini putus dan apabila nur ini padam, maka akibatnya manusia akan meluncur jatuh ke darjat yang paling rendah yang menggugurkan seluruh nilai kemanusiaannya dan hanya layak untuk menjadi bahan-bahan bakar api Neraka sama seperti ketul-ketul batu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 8)

Keadilan Allah

Dan di bawah bayangan hakikat inilah manusia diseru:

فَمَا يُكَذِّبُكَ بَعْدُ بِٱلدِّينِ ﴿٧﴾

أَلَيْسَ ٱللَّهُ بِأَحْكَمِ ٱلْحَٰكِمِينَ ﴿٨﴾

"Oleh itu, apakah yang menyebabkan engkau mendustakan agama(7). Bukankah Allah itu Hakim yang paling adil?"(8)

Apakah yang menyebabkan engkau tidak percayakan agama sesudah menyedari hakikat ini, sesudah mengetahui nilai keimanan dalam kehidupan manusia dan sesudah melihat nasib mereka yang tidak beriman, yang tidak bersuluhkan nur hidayat dan tidak berpegang dengan tali Allah yang kukuh?

أَلَيْسَ ٱللَّهُ بِأَحْكَمِ ٱلْحَٰكِمِينَ ﴿٨﴾

"Bukankah Allah itu Hakim yang paling adil."(8)

tidakkah Allah itu Pengadil Yang Maha Adil apabila Ia menetapkan hukuman-hukuman yang seperti ini? Atau tidakkah hikmat kebijaksanaan Allah mencapai matlamatnya dalam hukuman-hukuman yang telah ditetapkannya terhadap orang-orang Mu'min dan orang yang tidak Mu'min.

Keadilan Allah itu amat jelas sekali, kerana itu dalam sebuah Hadith Marfu' dari Abu Hurayrah Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

فإذا قرأ أحدكم ((والتين والزيتون)) فأتى آخرها : ((أليس الله بأحكم الحاكمين)) ... فليقل ... بلى وأنا على ذلك من الشاهدين.

"Apabila seseorang kamu membaca ((والتين والزيتون)) *dan membaca ayat akhirnya* ((أليس الله بأحكم الحاكمين)) *, maka hendaklah dia berkata:*

بلى وأنا على ذلك من الشاهدين

"Memang benar dan akulah salah seorang dari orang-orang yang menyaksikan keadilan-Mu itu."

* * * * * *